

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN RUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 14 JUN 2004, PUKUL 10.00 PAGI

Bil.6

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 35-100292
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan yang sesuai untuk mengisi masa lapang pelajar-pelajar universiti yang bercuti semester selama 3 bulan di mana kebanyakan daripada mereka ini tidak mempunyai apa-apa rancangan yang boleh membawa keuntungan kepada diri sendiri, masyarakat, keluarga dan negara.
2. 48-100201
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada dasar luar Malaysia terhadap Thailand tidak begitu sesuai memandangkan setiap kali mereka menghadapi masalah di selatan Thailand, Malaysia dilihat seolah-olah terlibat dan memberikan perlindungan serta latihan kepada pengganas-pengganas Thailand sehingga YAB Timbalan Perdana Menteri perlu ke Thailand untuk berjumpa PM Thaksin Shinawatra.
3. 25-100146
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi banyak aduan mengenai rawatan pakar di hospital besar negeri masing-masing yang dikehendaki menunggu masa untuk temu janji agak lama untuk tujuan pembedahan.

4. 29-100284
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan baru-baru ini kita telah dikejutkan oleh kenyataan pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan penurunan serius kadar perkahwinan di kalangan orang Islam. IKIM bimbang masa depan institusi kekeluargaan akan terjejas. Apakah langkah jangka masa pendek dan masa panjang untuk mengatasi perkara ini.
5. 46-100078
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah ada cara untuk menyekat laman-laman web lucah di peringkat negara.
6. 33-100104
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian menyedari bahawa terdapat banyak pejabat polis daerah yang terlalu sesak dan memerlukan pembesaran atau tambahan bangunan sebagai pejabat agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih efisien contohnya Ibu Pejabat Polis Sentul Kuala Lumpur.
7. 40-100208
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah prosedur yang diambil oleh mahkamah terlalu lama dan menjadi terlalu sukar untuk dibicarakan. Hanya kes yang mendapat liputan meluas sahaja akan dibicarakan dan diselesaikan dengan segera manakala kes yang kurang publisiti terpaksa ditangguhkan perbicaraannya.
8. 19-100178
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah matlamat program 'TAK NAK KEPADA ROKOK' akan tercapai memandangkan masih ramai yang degil serta mengabaikan zon larangan merokok.
9. 37-100224
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tumpuan khusus Kementerian dalam masa terdekat untuk menjayakan industri asas tani di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
10. 20-100076
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang mengkaji semula syarat-syarat penggunaan wang tabung Kementerian Kesihatan kepada pesakit-pesakit kronik yang tidak berkemampuan.

11. 17-100196
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh penduduk, terutamanya pemuda-pemudi di Wilayah Persekutuan Labuan dan tindakan yang diambil untuk mengatasinya.
12. 18-100280
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk meneruskan cara rundingan terus bagi syarikat-syarikat yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan sekiranya tidak, apakah pelaksanaan tender terhad benar-benar memberi keadilan kepada semua pihak khususnya untuk mendapatkan syarikat berwibawa serta mempamerkan kualiti kerja yang cemerlang.
13. 45-100058
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan senarai persatuan-persatuan belia berdaftar yang dipimpin oleh tokoh yang berusia melebihi 45 tahun pada 2003.
14. 14-100118
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesannya konsep sewa dan beli rumah kos rendah dan adakah skim ini dilaksanakan kepada pekerja-pekerja ladang di seluruh Malaysia.
15. 9-100256
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah punca yang menyebabkan anggota ATM berhenti tanpa berpencen dan bagaimana cara untuk mengatasi perkara ini.
16. 41-100098
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
 - (a) jumlah sekolah menengah bantuan modal dalam negara kita dan pada tahun 2003 berapa buah sekolah ini yang telah menerima Bantuan Modal; dan
 - (b) berapakah jumlah Bantuan Modal yang telah diberikan mengikut pecahan jenisnya.

17. 42-100035
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah syarikat asing yang telah berpindah keluar dari Malaysia dan apakah punca mereka berbuat demikian.
18. 12-100126
Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan terkini mengenai permohonan beberapa elaun tambahan yang dibuat oleh pihak tentera pada tahun lalu, dan sekiranya ada di antara permohonan tersebut diluluskan, adakah pihak Kerajaan akan memanjangkan kelulusan yang sama atau yang setaraf atau yang hampir sama kepada pasukan beruniform Kerajaan yang lain termasuk pasukan Polis, Kastam, Imigresen, Bomba dan lain-lain yang masing-masing mempunyai keunikan tugas tersendiri.
19. 4-100307
Puan Jaya Partiban minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah program-program bagi mengukuhkan institusi keluarga dan langkah-langkah untuk menentukan semua kaum menyertai program seperti ini.
20. 17-100190
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan kes pertikaian perindustrian dari tahun 2000 hingga 2004 yang dikemukakan kepada Kementerian. Berapakah kes itu telah diselesaikan, dan apakah langkah-langkah yang lebih efektif untuk menyelesaikan kes-kes yang tertangguh itu.
21. 22-100060
Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengurangkan polarisasi perkauman di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam di negara kita.
22. 39-100133
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapa terdapat lambakan isu serta laporan-laporan di media cetak dan media elektronik mengenai kesengsaraan dan kesusahan rakyat termiskin. Apakah langkah-langkah pemantauan tidak dilaksanakan secara berkesan dan mengapakah sumbangan tidak sampai ke golongan yang susah.

23. 37-100217
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan punca-punca berlakunya insiden pergaduhan dan pelanggaran disiplin di kalangan peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan tindakan-tindakan Kerajaan untuk menangani masalah sedemikian.
24. 17-100191
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah penyelidikan yang mendalam dan terperinci yang dijalankan oleh pihak Kementerian untuk mencegah dan menghapuskan gejala kejadian meragut beg tangan dan barang-barang kemas yang semakin serius dan setakat mana tindakan-tindakan yang dicadangkan itu dilaksanakan dan apakah keberkesanannya setakat kini.
25. 48-100207
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah program-program yang akan dilaksanakan di wilayah utara untuk membasmi kemiskinan luar bandar yang masih terdapat di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.
26. 37-100209
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana keputusan Kerajaan meluluskan kenaikan harga besi-keluli baru-baru ini dapat menyelesaikan masalah penawaran-permintaan (supply-demand) dalam pasaran.
27. 22-100077
Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sistem menghadkan kenderaan tanpa bayaran yuran masuk ke pusat bandar Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.
28. 25-100149
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengapa berlaku banyak insiden buruk dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Adakah program ini dapat memupuk intergrasi nasional.
29. 39-100121
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil agar sesebuah institusi kewangan di Negara kita dapat memberi peluang kepada pemohon untuk mengemukakan bukti sekiranya rekod CTOS telah dijelaskan dan mempertimbangkan kes di mana pemohon telah menjalankan perniagaan dengan sempurna dalam jangkamasa yang panjang. Apakah wujud satu garis panduan mengenai perkara tersebut.

30. 46-100081
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prestasi Bursa Malaysia selepas ianya didemutualisasikan.
31. 9-100241
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam mengatasi graduan-graduan yang menganggur yang masih tidak dapat mengisi jawatan-jawatan yang setaraf dan apakah keberkesanan tabung-tabung yang diwujudkan bagi membantu mereka yang menganggur.
32. 45-100054
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) mengikut negeri antara 1995 hingga 2003.
33. 8-100272
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan Kementerian di dalam rancangan untuk menghapuskan masalah setinggan sebelum tahun 2005 berjaya dijalankan. Berapakah perangkaan jumlah setinggan di Wilayah Persekutuan di atas tanah persendirian dan di atas tanah rezab Kerajaan.
34. 27-100257
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ramai di antara kakitangan Kerajaan yang bersara dengan pilihan Skim B iaitu tidak ada penama yang sepatutnya. Terdapat beberapa kejadian antaranya pesara tersebut jatuh sakit koma hingga beberapa bulan atau tahun dan penerimaan pencen mereka dihentikan kerana tidak dapat hadir mengisi borang di bank sedangkan mereka masih bernyawa dan tidakkah pengesahan DR boleh diguna pakai.
35. 23-100169
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah pemantauan dijalankan dan apakah langkah-langkah dan tindakan undang-undang diambil terhadap pengguna-pengguna yang memperalatkan laman web bagi menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak benar dan membuat fitnah serta tomahan kepada pemimpin-pemimpin setakat tahun 2003.

36. 29-100288
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) adakah memang disyaratkan oleh pihak Kementerian supaya kontraktor kelas F hanya layak menerima bayaran dalam kerja sebut harga setelah selesai atau mereka boleh dibayar mengikut mutu kerja; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang hendak diambil oleh Kementerian untuk membantu kontraktor kelas F bagi meringankan bebanan mereka.
37. 27-100232
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) sejauh manakah bekas pesalah juvana dipantau selepas mereka keluar dari pusat tahanan di Henry Gurney dan apakah latihan-latihan asas dan khusus diberikan kepada pesalah juvana sebagai menyediakan tenaga kerja mahir dan separuh mahir di dalam bidang pertanian; dan
 - (b) adakah pesalah-pesalah juvana yang keluar dari pusat tahanan dipantau oleh satu jawatankuasa dalam Kementerian yang dibentuk sebagai menyediakan statistik sebenar keberkesanan pusat-pusat tahanan di samping mengawal agar bekas tahanan tersebut tidak terjebak kembali dengan jenayah yang dilakukannya.
38. 46-100080
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk mewajibkan pasangan yang akan berkahwin supaya menjalani pemeriksaan darah bagi mengesahkan bebas dari HIV supaya pasangan masing-masing sedar akan risiko yang bakal mereka tempuhi.
39. 45-100061
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan senarai kumpulan-kumpulan penjenayah yang berjaya ditumpaskan oleh Kerajaan antara 1999 hingga 2003 dan jumlah anggota bagi setiap kumpulan.

40. 8-100299
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat hari ini sejauh manakah peningkatan yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk merealisasikan peningkatan ekuiti bagi kaum keturunan India dari 1.5% ke 3% seperti yang dinyatakan di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Yang Ke-3 (2001-2010).
41. 47-100002
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional beliau tidak membenarkan sebuah Suruhanjaya DiRaja ditubuhkan secara rasmi bagi menyiasat salah laku, penyelewengan serta ketidakadilan yang telah berlaku dan dilakukan khususnya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di sepanjang proses dan perjalanan Pilihan Raya Umum Ke-11 yang lepas.
42. 34-100157
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) apakah langkah dan strategi yang telah diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memastikan urusan kenaikan pangkat dan urusan pertukaran Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa menimbulkan implikasi yang negatif dari segi pentadbiran, politik dan moral Pegawai-pegawai Kerajaan; dan
 - (b) nyatakan sehingga April 2004, berapakah jumlah Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang masih berkhidmat di bawah kontrak mengikut Kementerian dan Jabatan dan apakah kriteria penyambungan khidmat mereka.
43. 9-100229
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihaknya bercadang untuk mewujudkan kembali kursus-kursus di peringkat sijil dan diploma yang dahulunya dijalankan di ITM (sebelum dijadikan UiTM) untuk membolehkan pelajar-pelajar bumiputera mengikutinya.
44. 20-100047
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya Kerajaan mengurangkan bajet pembangunan sebanyak RM40 juta daripada RM115 juta dalam usaha merealisasikan program pembangunan, menyediakan kemudahan infrastruktur, perkhidmatan pendidikan ke arah menghapuskan masalah kemiskinan tegar secara proaktif dan peningkatan pendidikan di kalangan pelajar Orang Asli.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Usul dibuat oleh Yang Berhormat **Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar** dan masalah dicadangkan:-

“Bahawa Suatu Ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesebelas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [10 Jun 2004]

- | | | | |
|----|---------------|---|------------------------|
| 2. | (D.R. 2/2004) | Rang undang-undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2004. | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 4/2004) | Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2004. | “ |
| 4. | (D.R. 3/2004) | Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004. | “ |
| 5. | (D.R. 5/2004) | Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004. | “ |
| 6. | (D.R. 7/2004) | Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004. | “ |

7. 52-100327

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak akan mencadangkan:-

Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar menubuhkan satu Tabung/Dana bagi tujuan pembayaran terus kepada kontraktor daripada menunggu pembayaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang sering kali mengambil tempoh yang lama sehingga menyebabkan kontraktor ini terpaksa gulung tikar. Pihak Berkuasa Tempatan akan membuat pembayaran terus kepada Tabung/Dana yang bakal ditubuhkan.

8. 52-100330

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak akan mencadangkan:-

Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada kontraktor bumiputera dapat disalurkan melalui satu jawatankuasa yang memastikan kontraktor-kontraktor ini membeli peralatan-peralatan yang diperlukan bagi melaksanakan projek yang dirancang daripada hanya menggunakannya dengan sesuka hati dan kemudiannya tidak mampu membayar kembali pinjaman tersebut. Ini seringkali terjadi kepada kontraktor baru dan tujuan pinjaman ini adalah bagi melahirkan kontraktor yang berjaya dan berwibawa.

9. 52-100328

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak akan mencadangkan:-

Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar menubuhkan satu jawatankuasa bagi mengkaji teknik penggunaan pembelajaran terkini seperti "Kumon Mathematical Learning", "Speed Learning" dan sebagainya untuk di implementasikan di peringkat sekolah-sekolah memandangkan teknik ini terbukti berjaya.

10. 52-100331

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak akan mencadangkan:-

Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan yang berkenaan di peringkat universiti. Sebagai contoh, bagi pelajar yang meminati sektor perbankan, mereka akan diperkenalkan kepada cabang-cabang perbankan seperti perbankan Islam, moden, konvensional dan sebagainya.

11. 52-100329

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak akan mencadangkan:-

Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan untuk mengambil alih dewan-dewan yang kurang berfungsi yang terdapat di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan untuk dijadikan Dewan Sukan "Futsal" yang kebelakangan ini dapat menarik minat anak-anak muda. Ianya bukan hanya dapat mengurangkan budaya lepak malah anak-anak muda ini tidak perlu mengeluarkan belanja yang banyak dengan menyewa dewan "Futsal" swasta.

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

TAHUN

RISALAT/DOKUMEN

TARIKH

2004**DIBENTANGKAN**

ST.6	Laporan Tahunan Universiti Putra Malaysia (UPM) Tahun 2000	14 Jun 2004
ST.8	Laporan Tahunan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Tahun 2001	14 Jun 2004
ST.19	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	14 Jun 2004
ST.20	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Tahun 2002 (Telah Diaudit)	14 Jun 2004
ST.23	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia (LGM) Bagi tahun Berakhir 31 Disember 2002	14 Jun 2004
ST.24	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman (Telah Diaudit) Bagi Tahun 2002.	14 Jun 2004
ST.28	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia (LKM) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002 (Telah Diaudit)	14 Jun 2004
ST.33	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan FINAS	14 Jun 2004
ST.36	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Merdeka (Telah Diaudit) Bagi Tahun 2002	14 Jun 2004
ST.84	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi tahun 2001 ((Telah Diaudit)	14 Jun 2004

TAHUN
2004**RISALAT/DOKUMEN****TARIKH**
DIBENTANGKAN

ST.90	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	14 Jun 2004
ST.93	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bagi BERNAMA	14 Jun 2004
ST.94	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	14 Jun 2004
ST.96	Laporan Tahunan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	14 Jun 2004
ST.99	Peraturan-peraturan Pilihan raya (Perjalanan Pilihan raya) (Pindaan) 2004	14 Jun 2004
ST.103	Laporan Tahunan 2002 Lembaga Pelabuhan Johor (Tanjung Pelepas)	14 Jun 2004
ST.104	Laporan Tahunan 2002 Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa)	14 Jun 2004
CMD.31	Penyata Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004	14 Jun 2004
CMD.31A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 Bagi Kerajaan Malaysia.	14 Jun 2004
CMD.32	Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2004.	14 Jun 2004
CMD.32A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2004 Bagi Kerajaan Malaysia.	14 Jun 2004